

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1986

PENYIARAN KEPUTUSAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menerangkan cara keputusan sesuatu urusan kenaikan pangkat itu disampaikan kepada kesemua calon yang dipertimbangkan dalam urusan tersebut.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Di bawah Peraturan 15 (1) [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986](#), semua calon yang dipertimbangkan dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat atau pemangkuan hendaklah diberitahu oleh Lembaga Kenaikan Pangkat mengenai keputusannya. Sementara itu di bawah Peraturan 19 Peraturan-peraturan yang sama juga dinyatakan mana-mana pegawai yang dipertimbangkan dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat atau pemangkuan tetapi terkilan dengan keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan, boleh merayu kepada Lembaga Rayuan yang berkenaan. Sebagai penjelasan syarat-syarat yang melayakkan seseorang untuk dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat atau pemangkuan akan ditentukan oleh Urusetia Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan.

2.2 Sesuatu rayuan itu pula hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengerusi Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat yang berkenaan melalui Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat itu disampaikan kepada pegawai yang berkenaan, sepertimana yang tersebut dalam Peraturan 20(1) [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986](#).

3. TATACARA PENYELENGGARAAN

3.1 Apabila sesuatu urusan kenaikan pangkat selesai diselenggarakan, Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan hendaklah menentukan tindakan-tindakan berikut diambil:

(i) **Pemberitahu pegawai-pegawai yang berjaya dinaikkan pangkat**

Bagi pegawai-pegawai yang berjaya dinaikkan pangkat, mereka hendaklah diberitahu sedemikian dengan menyatakan kenaikan pangkat tersebut bersifat sementara hingga semua rayuan telah diputuskan. Untuk makluman mereka, senarai nama pegawai yang berjaya dinaikkan pangkat dengan tarikh kenaikan pangkat masing-masing serta senarai nama calon simpanan hendaklah disertakan bersama. Mereka juga hendaklah diberitahu bahawa mereka boleh merayu dalam tempoh 30 hari dari tarikh penyiaran keputusan kepada Lembaga Rayuan jika tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan. Sila lihat [Lampiran 'A' \(NP\)](#).

(ii) **Pemberitahu pegawai-pegawai yang tidak berjaya dinaikkan pangkat**

Demikian juga pegawai-pegawai yang tidak berjaya dinaikkan pangkat hendaklah diberitahu, serta langkah-langkah seterusnya seperti 3.1 (i) di atas. Sila lihat [Lampiran 'B' \(NP\)](#).

(iii) **Pemberitahu calon-calon simpanan**

Bagi pegawai-pegawai yang tidak berjaya dinaikkan pangkat tetapi diletakkan sebagai calon-calon simpanan, mereka hendaklah diberitahu, sebagai calon-calon simpanan di bawah Peraturan 14 [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986](#), Lembaga boleh, menurut budi bicaranya menaikkan pangkat mereka dalam suatu tempoh selama enam bulan dari tarikh keputusan Lembaga diumumkan, sekiranya terdapat kekosongan jawatan dalam tempoh tersebut. Untuk makluman mereka, senarai nama pegawai yang berjaya dinaikkan pangkat dengan tarikh kenaikan pangkat masing-masing serta senarai nama calon simpanan hendaklah disertakan. Mereka juga diberitahu bahawa mereka boleh merayu dalam tempoh 30 hari dari tarikh penyiaran keputusan kepada Lembaga Rayuan jika tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan. Sila lihat [Lampiran 'C' \(NP\)](#).

4. **TARIKH KUATKUASA**

4.1 Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

5. **PEMBATALAN**

5.1 Dengan terkeluarnya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, tatacara penyiaran keputusan urusan kenaikan pangkat yang terdapat dalam Format 11 dan Format 12 Buku Panduan Penyelenggaraan Urusan Kenaikan Pangkat, Pemangkuan dan Penanggungungan Kerja (JPA. 11 Julai, 1979) tidak boleh dipakai lagi.

6. **KEMUSYKILAN**

6.1 Sebarang kemusykilan yang timbul hendaklah dirujuk kepada Cawangan Kenaikan Pangkat, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

ZOLKIPLI BIN ABDUL,
*Pengarah,
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Tarikh: 21 Ogos, 1986

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Salinan:

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Bahagian Kenaikan Pangkat/Tatatertib,
Tingkat 11, Wisma Keramat,
Jalan Gurney,
50520 Kuala Lumpur.

Urusetia,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,

Cawangan Sabah,
Tingkat 1, Bangunan Wing On Life,
Jalan Segunting,
Kota Kinabalu,
Sabah.

Urusetia,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Cawangan Sarawak,
Tingkat 6, Bangunan K.W.S.P.,
Jalan Simpang Tiga,
Kuching,
Sarawak.

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sabah,

Tingkat 6, Bangunan KUWASA,
Jalan Tuanku Abdul Rahman,
88000 Kota Kinabalu,
Sabah.

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sarawak,
Tingkat 3, Bangunan Tuanku Abdul Rahman,
93520 Petra Jaya,
Sarawak.

(Nama dan Alamat Kementerian/Jabatan)

Rujukan Fail:
Tarikh:

**PENYIARAN DI BAWAH PERATURAN 15 (1) PERATURAN-
PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT
PERKHIDMATAN AWAM, 1986**

.....
.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Keputusan	Urusan	Kenaikan	Pangkat	Jawatan
-----------	--------	----------	---------	---------

.....

Tingkatan		ke	Tingkatan
-----------	-------	----	-----------

.....

Saya diarah merujuk kepada temuduga*/urusan kenaikan pangkat yang tersebut di atas yang telah diadakan pada dan dukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan telah dipilih oleh Lembaga Kenaikan Pangkat untuk

dinaikkan pangkat ke jawatan Tingkatan
..... mulai

2. Untuk makluman tuan/puan kenaikan pangkat ini adalah sementara dan tidak akan disahkan sehingga semua rayuan (jika ada) berkenaan dengan urusan kenaikan pangkat ini telah diputuskan sesuai dengan [Peraturan 15 \(2\) Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986](#).

3. Bersama-sama ini disertakan[†] senarai nama pegawai yang telah dipilih untuk dinaikkan pangkat serta senarai nama calon simpanan, masing-masing tertakluk kepada [Peraturan 15 \(2\) dan Peraturan 14, Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1986](#).

4. Sekiranya tuan/puan tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga ini, tuan/puan bolehlah mengemukakan rayuan tuan/puan itu dalam tempoh **tiga puluh hari** dari tarikh keputusan ini diumumkan. Rayuan itu hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan melalui Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam ini selaras dengan Peraturan 19 dan 20 Peraturan-peraturan yang sama.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(
b.p. Pengerusi,)

*Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam,
mengikut perenggan..... ruangan ke-
empat Jadual, Peraturan-peraturan Lembaga
Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1986*

Salinan kepada:

.....
.....
.....
.....
(Ketua Jabatan yang berkenaan)

Catatan:

☆ Potong "temuduga" jika di dalam urusan kenaikan pangkat itu pegawai tersebut tidak ditemuduga.

† Senarai ini hendaklah mengandungi nama pengawai-pegawai yang telah dipilih untuk dinaikkan pangkat dengan tarikh-tarikh kenaikan pangkatnya sekali serta senarai nama calon simpanan (jika ada), masing-masing disusun mengikut merit dalam urusan kenaikan pangkat itu.

LAMPIRAN 'A.1' (NP)

Senarai nama pegawai yang berjaya dinaikkan pangkat

ke

Jawatan.....

.....

Tingkatan.....

.....

Bil.

Nama (No. K.P.)

*Tarikh kenaikan
pangkat*

SENARAI NAMA CALON SIMPANAN

Bil.

Nama (No. K.P.)

LAMPIRAN 'B' (NP)

.....
.....
.....
.....
(Nama dan Alamat Kementerian/Jabatan)

Rujukan Fail:
Tarikh:

**PENYIARAN DI BAWAH PERATURAN 15 (1) PERATURAN-
PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT
PERKHIDMATAN AWAM, 1986**

.....
.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Keputusan Urusan Kenaikan Pangkat Jawatan

.....

Tingkatan ke Tingkatan

.....

Saya diarah merujuk kepada temuduga*/urusan kenaikan pangkat yang tersebut di atas yang telah diadakah pada dan dukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan telah tidak dipilih oleh Lembaga Kenaikan Pangkat untuk dinaikkan pangkat ke jawatan berkenaan.

2. Bersama-sama ini disertakan senarai nama pegawai yang telah dipilih untuk dinaikkan pangkat serta senarai nama calon simpanan, masing-masing tertakluk kepada Peraturan 15 (2) dan Peraturan 14, [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1986](#).

3. Sekiranya tuan/puan tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga ini, tuan/puan bolehlah mengemukakan rayuan tuan/puan itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan ini diumumkan. Rayuan itu hendaklah dialamatkan ke-

pada Pengerusi, Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan melalui Pengerusi, Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam ini selaras dengan Peraturan 19 dan 20 Peraturan-peraturan yang sama.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

()
*b.p. Pengerusi,
Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam,
mengikut perenggan..... ruangan keempat Jadual,
Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan
Pangkat Perkhidmatan Awam, 1986*

Salinan kepada:

.....
.....

.....

.....

(Ketua Jabatan yang berkenaan)

Catatan:

- * Potong "temuduga" jika di dalam urusan kenaikan pangkat itu pegawai tersebut tidak ditemuduga.
- † Senarai ini hendaklah mengandungi nama pegawai-pegawai yang telah dipilih untuk dinaikkan pangkat dengan tarikh kenaikan pangkatnya sekali serta senarai nama calon simpanan (jika ada), masing-masing disusun mengikut merit dalam urusan kenaikan pangkat itu.

LAMPIRAN 'C' (NP)

.....
.....
.....
.....
(Nama dan Alamat Kementerian/Jabatan)

Rujukan Fail:

Tarikh:

**PENYIARAN DI BAWAH PERATURAN 15 (1) PERATURAN-
PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT
PERKHIDMATAN AWAM, 1986**

.....
.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Keputusan Urusan Kenaikan Pangkat Jawatan

.....

Tingkatan ke Tingkatan

.....

Saya diarah merujuk kepada temuduga*/urusan kenaikan pangkat yang tersebut
diatas yang telah diadakan pada dan dukacita

dimaklumkan bahawa tuan/puan telah tidak dipilih oleh Lembaga Kenaikan Pangkat untuk dinaikan pangkat ke jawatan berkenaan.

2. Walau bagaimanapun tuan/puan adalah salah seorang daripada calon-calon simpanan yang mana di bawah Peraturan 14 [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986](#) Lembaga boleh, menurut budi bicaranya, menaikkan pangkat calon-calon simpanan dalam suatu tempoh selama enam bulan dari tarikh keputusan Lembaga diumumkan, sekiranya terdapat kekosongan jawatan dalam tempoh tersebut.

3. Bersama-sama ini disertakan senarai nama pegawai yang telah dipilih untuk dinaikkan pangkat serta senarai nama calon simpanan, masing-masing tertakluk kepada Peraturan 15 (2) dan Peraturan 14, [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1986](#).

4. Sekiranya tuan/puan tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga ini, tuan/puan bolehlah mengemukakan rayuan tuan/puan itu dalam tempoh *tiga puluh hari* dari tarikh keputusan ini diumumkan. Rayuan itu hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan melalui Pengerusi, Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam ini selaras dengan Peraturan 19 dan 20 Peraturan-peraturan yang sama.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(
b.p. Pengerusi,
Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam,
mengikut perenggan..... ruangan keempat Jadual,
Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan
Pangkat Perkhidmatan Awam, 1986

Salinan kepada:

.....
.....
.....
.....

(Ketua Jabatan yang berkenaan)

Catatan:

- * Potong "temuduga" jika di dalam urusan kenaikan pangkat itu pegawai tersebut tidak ditemuduga.
- † Senarai ini hendaklah mengandungi nama pengawai-pegawai yang telah dipilih untuk dinaikkan pangkat dengan tarikh kenaikan pangkatnya sekali serta senarai nama calon simpanan (jika ada), masing-masing disusun mengikut merit dalam urusan kenaikan pangkat itu.